

18 AUG 1996
S46-bubar
PARTI MELAYU SEMANGAT '46 BUBAR 6 OKT DEPAN

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Parti Melayu Semangat '46 (S46) akan dibubarkan 6 Okt pada satu perhimpunan agung khas di sini untuk membolehkan anggotanya menyertai Umno, presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan hari ini.

Keputusan itu dibuat sebulat suara pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi S46 di kediaman Tengku Razaleigh petang ini.

"Kita berharap rakyat Kelantan akan menyambut baik cadangan kita ini sebagai satu usaha penyatuan bangsa," Tengku Razaleigh berkata kepada pemberita selepas mesyuarat hampir dua jam itu.

Tengku Razaleigh, yang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas, berkata S46 telah mencapai kata sepakat dengan Umno mengenai penyatuan itu dan anggota S46 akan menyertai Umno secara beramai-ramai.

"Saya telah melaporkan kepada Perdana Menteri bahawa sambutan daripada anggota adalah memuaskan walaupun segelintir daripada mereka mempunyai perasaan tersendiri tetapi bagaimanapun sokongan kepada usaha ini boleh dikatakan adalah overwhelming (menyeluruh)," katanya.

"Jadi saya rasa tidak akan berlaku sesuatu yang tidak diingini Insya Allah apabila kita mengadakan perhimpunan agung khas nanti. Cadangan kita ialah pada 6 Okt tahun ini," kata Tengku Razaleigh.

Yang turut hadir pada persidangan berita itu ialah timbalan presiden parti, Datuk Rais Yatim, dan setiausaha agung parti, Datuk Manan Osman.

Tengku Razaleigh juga berkata satu majlis ceramah umum penyatuan bangsa akan diadakan di Kelantan awal Oktober untuk memaklumkan kepada penduduk Kelantan mengenai usaha penyatuan yang telah disetujui terima.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menghadiri majlis itu yang akan dianjurkan oleh S46 dan Umno Kelantan.

"Kita berharap rakyat Kelantan akan menyambut penyatuan cadangan kita dan akan bersama-sama kita dalam usaha untuk mengajak seluruh rakyat bersatu." katanya.

Ditanya adakah beliau yakin Umno dapat berkuasa semula di Kelantan, Tengku Razaleigh berkata: "Kita ada berbincang kemungkinan kita bersama-sama berusaha untuk mendapat balik kuasa di Kelantan kerana kalau kita tengok sekarang, PAS sendiri pun terumbang ambing dan nampaknya tidak mempunyai ketentuan."

Tengku Razaleigh berkata ini menyebabkan PAS cuba "mencuri orang-orang S46" kerana tidak begitu yakin pada kedudukan mereka di Kelantan.

Pada bulan lepas, Anggota Dewan Undangan Negeri Kelaboran, Kelantan dari S46, Haji Nordin Yaakob menyertai Pas membuat Pas mempunyai 25 kerusi daripada 43 kerusi dewan undangan negeri.

Tengku Razaleigh berkata S46 tidak ambil kisah satu dua orang atau segelintir yang meninggalkan parti itu kerana itu adalah perkara biasa dan ramai juga anggota PAS yang telah menyertai S46.

"Mengikut kajian kita sekarang, kita rasa Insya Allah, PAS akan tumbang apabila kita gerak bersama," katanya.

Menurutnya, mengikut pendaftaran baru yang dilakukan oleh S46, parti itu dapat mengumpulkan kembali hampir 100,000 anggota yang terdiri daripada para pengundi.

"Kalau ini dicampur dengan undi yang BN dapat pada pilihan raya 1995 dan walaupun kita tolak 20 peratus daripada jumlah itu, Insya Allah kita akan dapat merampas banyak kerusi daripada PAS," kata Tengku Razaleigh.

"Ini soal penyatuan, soal kerjasama, soal koordinasi kempen dan apa yang kita nak kemukakan kepada rakyat supaya bersama dengan kita. Kalau semua ini dapat diputuskan, saya rasa harapan kita untuk mendapat balik kuasa di Kelantan cerah," kata Tengku Razaleigh.

Beliau menyifatkan pembubaran itu sebagai satu usaha murni untuk menyatukan orang Melayu dan sepatutnya mendapat sokongan seluruh rakyat Malaysia termasuk PAS.

Mengenai 6 Okt dipilih untuk membubarkan parti itu, Tengku Razaleigh berkata tarikh itu adalah kebetulan dan bukan mengambil sempena Perhimpunan Agung Umno yang akan berlangsung mulai 9 Okt.

Razaleigh berkata S46 sebenarnya bercadang untuk mengadakan perhimpunan agung khas untuk membubarkan parti itu pada akhir September tetapi ia tidak dapat menempah dewan.

Beliau juga berkata anggota S46 yang menyertai Umno tidak mahu sebarang jawatan sama ada dalam parti ataupun kerajaan.

Tengku Razaleigh berkata pada peringkat pertama, seramai 200,000 anggota parti akan mengemukakan permohonan beramai-ramai untuk menyertai Umno seperti yang dimaklumkan oleh beliau kepada Dr Mahathir.

Perhimpunan agung khas parti itu yang akan diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur akan hanya mempunyai satu agenda iaitu membubarkan S46, katanya.

Kira-kira 500 perwakilan dijangka menghadiri perhimpunan agung khas itu dan parti itu hanya memerlukan kira-kira 300 undi, untuk mendapat sokongan dua per tiga bagi pembubaran parti itu.

Tengku Razaleigh berkata, setakat ini belum ada cadangan untuk mengadakan ceramah umum di negeri-negeri lain sebagaimana yang dicadangkan di Kelantan.

S46 ditubuhkan pada 1989 selepas Tengku Razaleigh tewas kepada Dr Mahathir dalam perebutan jawatan presiden pada pemilihan Umno 1987.

Parti itu mewujudkan kerjasama dengan Pas dalam Angkatan Perpaduan Ummah untuk merampas Kelantan daripada Barisan Nasional pada pilihan raya umum 1990.

Pada pilihan raya umum 1995, S46 berjaya memperolehi 12 daripada 43 kerusi dewan undangan negeri Kelantan dan enam kerusi parlimen. Pas pula memenangi 24 kerusi dan BN tujuh.

Pas memutuskan kerjasama dengan S46 pada 14 Julai selepas Tengku Razaleigh mengumumkan beliau akan memasuki semula Umno.

Berikutan itu, anggota dewan undangan negeri Kelantan, Kelantan dari S46, Haji Nordin Yaakob keluar untuk menyertai Pas.

-- BERNAMA
AFY ARA AHH